



1 PERMOHONAN NO. PIN

- Boleh dibuat di cawangan LHDNM / Pusat Khidmat Hasil / UTC yang berdekatan
- Dokumen yang diperlukan:
 - » Pengesahan identiti pemohon (No. Kad Pengenalan / No. Pasport / No. Polis / No. Tentera)
 - » Borang CP55D (Borang Permohonan No. PIN) – boleh diperoleh di kaunter LHDNM
- Sekiranya wakil, sila kemukakan:
 - » Kebenaran bertulis daripada pemohon,
 - » Salinan pengenalan diri pemohon dan wakil; serta
 - » Borang CP55D (Borang Permohonan No. PIN) – boleh diperoleh di kaunter LHDNM

2 PENDAFTARAN SIJIL DIGITAL



- Klik **Login Kali Pertama** dan ikut prosedur yang ditetapkan oleh sistem
- Masukkan **Kata Laluan** yang tepat iaitu terdiri daripada 8 hingga 12 aksara dan mengandungi sekurang-kurangnya:
 - » Satu (1) huruf besar
 - » Satu (1) huruf kecil
 - » Satu (1) nombor
 - » Tidak mengandungi aksara khas atau simbol
 - » Contoh: pAssword123

3 LOGIN E-BORANG

- Pilih menu **Log Masuk**, masukkan **No. Pengenalan** dan **Kata Laluan** yang tepat



- Pilih **e-Borang** > Pilih Jenis Borang > Pilih Tahun Taksiran

Kategori	Jenis Borang
Individu	e-BE/e-B/e-BT/e-M/e-MT/e-E/e-P

- Isi maklumat dengan betul, tepat dan ikut prosedur yang ditetapkan
- Klik **Tandatangan & Hantar** untuk menghantar e-Borang
- Pengesahan Penerimaan e-Borang akan dipaparkan setelah borang berjaya dihantar

Penafian

Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau lengkap mengenai suatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan

4 SEMAKAN PENGESAHAN PENERIMAAN e-BORANG

- Pilih menu **Perkhidmatan** > **e-Filing** > **Semakan Pengesahan**
- Menu **Log Masuk**, masukkan **No. Pengenalan** dan **Kata Laluan** yang tepat



5 TERLUPA KATA LALUAN

ADA e-MEL BERDAFTAR DENGAN LHDNM:

- Klik **Terlupa Kata Laluan** > Masukkan No. Pengenalan > Pilih Jenis Sijil: Individu > Pilih Medium Set Semula: e-Mel Berdaftar dengan LHDNM




TIADA e-MEL BERDAFTAR DENGAN LHDNM:

- Sila ke cawangan LHDNM / Pusat Khidmat Hasil / UTC yang berdekatan untuk mendapatkan **Kod Pengaktifan Sementara**
- Pengesahan identiti pembayar cukai adalah diperlukan
- Klik **Terlupa Kata Laluan** > Masukkan No. Pengenalan > Pilih Jenis Sijil: Individu > Pilih Medium Set Semula: Kod Pengaktifan Sementara > Masukkan Kata Laluan Baharu



ADA NOMBOR TELEFON BIMBIT BERDAFTAR DENGAN LHDNM:

- Klik **Terlupa Kata Laluan** > Klik pautan **sini** dan ikut prosedur yang ditetapkan oleh sistem



6 SIJIL DIGITAL TAMAT TEMPOH

- Pilih menu **Log Masuk**
- Pembayar cukai perlu memilih untuk mendaftar semula secara automatik dengan klik butang **'Setuju'**
- **Log Masuk** adalah dengan menggunakan **Kata Laluan** sedia ada